



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERSEKITARAN KELUARGA DAN KETERUJAAAN MELAMPAU SEBAGAI  
PERAMAL DAYA TINDAK DALAM KALANGAN MURID PINTAR CERDAS***

**RAMADHAWATI BINTI WAHAB**

**FPP 2012 40**

**PERSEKITARAN KELUARGA DAN KETERUJAHAN MELAMPAU SEBAGAI  
PERAMAL DAYA TINDAK DALAM KALANGAN MURID PINTAR CERDAS**

**RAMADHAWATI BINTI WAHAB**



**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2012**

**PERSEKITARAN KELUARGA DAN KETERUJAHAN MELAMPAU SEBAGAI  
PERAMAL DAYA TINDAK DALAM KALANGAN MURID PINTAR CERDAS**

Oleh  
**RAMADHAWATI BINTI WAHAB**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Oktober 2012**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEKITARAN KELUARGA DAN KETERUJAHAN MELAMPAU SEBAGAI  
PERAMAL DAYA TINDAK DALAM KALANGAN MURID PINTAR CERDAS**

Oleh

**RAMADHAWATI BT WAHAB**

**Oktober 2012**

**Pengerusi : Prof. Madya Habsah bt Ismail, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Penumpuan kerajaan Malaysia sejak kebelakangan ini kepada pendidikan pintar cerdas menzahirkan keseriusan untuk meneroka satu cabang di dalam bidang pendidikan yang bakal mencorakkan kualiti modal insan. Kajian oleh Yoo dan Moon (2006) mendapati murid pintar cerdas berhadapan dengan pelbagai masalah yang agak unik dan berbeza berbanding murid biasa terutama masalah berkaitan dengan diri sendiri dan persekitaran. Menurut Bellamy, Gore dan Sturgis (2005), kejayaan murid pintar cerdas tidak hanya bergantung kepada kecerdasan intelektual sahaja tetapi dipengaruhi oleh strategi daya tindak yang digunakan dalam menangani tekanan. Lazarus dan Folkman (1984) pula menyatakan daya tindak adalah usaha kognitif dan perlakuan murid pintar cerdas untuk menguruskan tekanan psikologi yang mereka hadapi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap daya

tindak dalam kalangan murid pintar cerdas. Seterusnya kajian ini turut meneroka hubungan antara keterujaan melampau dan persekitaran keluarga dengan daya tindak murid pintar cerdas.

Kajian ini melibatkan 112 murid pintar cerdas yang lulus Ujian Saringan PERMATApintar UKM 1 dan UKM 2 2010 di sekolah rendah dan menengah kerajaan di Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian adalah terdiri daripada Soal Selidik Cara Daya Tindak, Soal Selidik Skala Persekitaran Keluarga dan Soal Selidik Keterujaan Melampau-II. Data dianalisis dengan mengguna statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi yang melibatkan ujian-t, analisis korelasi Pearson dan analisis regresi pelbagai.

Dapatan kajian deskriptif menunjukkan majoriti murid pintar cerdas mempunyai tahap daya tindak yang sederhana ( $M = 2.22$ ,  $SP = 0.46$ ). Kajian inferensi menggunakan ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan diperolehi antara jantina dan daya tindak. Dapatan analisis korelasi Pearson untuk persekitaran keluarga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara: (i) orientasi rekreasi aktif dan orientasi intelek-budaya dengan daya tindak. Hubungan yang tidak signifikan pula diperolehi antara: (i) keamatan, ekspresi, konflik, kebebasan, orientasi pencapaian, orientasi moral dan keagamaan serta organisasi dengan daya tindak.

Seterusnya, terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keterujaan melampau psikomotor, Keterujaan melampau emosi, keterujaan melampau intelek,

keterujaan melampau imaginasi dan keterujaan melampau sensual dengan daya tindak. Secara keseluruhan terdapat tujuh pemboleh ubah bebas (orientasi rekreasi aktif, orientasi intelek-budaya, keterujaan melampau psikomotor, keterujaan melampau intelek, keterujaan melampau imaginasi, keterujaan melampau sensual, keterujaan melampau emosi) yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar (daya tindak).

Dapatan analisis regresi pelbagai berdasarkan *stepwise* ke atas tujuh pemboleh ubah bebas (orientasi rekreasi aktif, orientasi intelek-budaya, keterujaan melampau psikomotor, keterujaan melampau intelek, keterujaan melampau imaginasi, keterujaan melampau sensual, keterujaan melampau emosi) yang mempunyai hubungan dengan daya tindak menunjukkan hanya dua pemboleh ubah tersebut iaitu keterujaan melampau intelek ( $\beta = 0.555$ ,  $p < 0.01$ ) dan keterujaan melampau emosi ( $\beta = 0.335$ ,  $p < 0.01$ ) yang menyumbang secara signifikan kepada daya tindak murid pintar cerdas. Sebagai kesimpulan daripada analisis regresi pelbagai ini, didapati bahawa keterujaan melampau intelek dan keterujaan melampau emosi boleh menjadi faktor peramal bagi penggunaan daya tindak dalam kalangan murid pintar cerdas di mana keterujaan melampau intelek memberikan sumbangan yang lebih besar berbanding keterujaan melampau emosi.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**FAMILY ENVIRONMENT AND OVEREXCITABILITY AS COPING PREDICTORS  
AMONG GIFTED CHILDREN**

By

**RAMADHAWATI BT WAHAB**

**October 2012**

**Chair : Prof. Madya Habsah bt Ismail, PhD**

**Faculty : Educational Studies, UPM**

The recent focus of the Malaysian government on the education of gifted children has resulted in a serious exploration of a new branch of education which possesses the potential to shape the quality of human capital. A study by Yoo and Moon (2006) has found that gifted children are faced with numerous problems that are unique and different from that of ordinary students especially problems that are related to oneself and the environment. According to Bellamy, Gore and Sturgis (2005), the success of gifted students is not dependent on intellectual intelligence alone, but is also influenced by the coping strategies used to manage pressure. According to Lazarus and Folkman (1985), coping is a cognitive effort and serves as a manner by which gifted children manage the psychological problems that they are faced with.

Hence, this research is aimed at analysing the coping level of gifted children. In addition, this research also explores the relationship between coping and overexcitability and the family environment of gifted children.

This study involved 112 gifted children who had passed the UKM 1 and UKM 2 Intelligence Test PERMATApintar 2010 at government primary and secondary schools in Negeri Sembilan, Selangor, Federal Territory Kuala Lumpur and Federal Territory Putrajaya. The instrument used to measure research variables comprise Ways of Coping Questionnaire (WCQ), Family Environment Scale (FES) and Overexcitability Questionnaire-II (OEQ-II). Data were analysed using descriptive statistics involving frequency, percentage min, standard deviation and inference analysis which is related to t-test, Pearson correlation and multilperegession analysis.

Descriptive analysis findings show that the majority of gifted children possess medium coping level ( $M = 2.22$ ,  $SP = 0.46$ ). Inferences analysis using t-test indicate no significant differences in coping between male and female respondents. The Pearson correlation analyses findings indicate that there significant relationship between: (i) coping and active recreation orientation and intellectual culture orientation. The insignificant relationship is obtained between (i) coping and cohesion, expression, conflict, independent, achievement orientation, moral and religious priority as well as organisation. Overall, the relationships between coping and psychomotor overexcitability, intellectual overexcitability, imagination overexcitability, sensual overexcitability and emotion overexcitability are positive and significant. Overall, there are seven independent variables (active recreation



orientation, intellectual culture orientation, psychomotor overexcitability, intellectual overexcitability, imagination overexcitability, sensual overexcitability, emotion overexcitability) significant correlated with the dependent variable (coping).

Findings of the step wise based multiple regression analysis on seven independent variables correlated with copings indicated only two variables intellectual overexcitability ( $\beta = 0.555$ ,  $p < 0.01$ ) and emotion overexcitability ( $\beta = 0.335$ ,  $p < 0.01$ ) that significantly contributed to the gifted students coping. This multiple regression analysis clearly shows that intellectual overexcitability and emotional overexcitability can be a predictors to gifted students copings, whereby intellectual overexcitability contributes more than emotional overexcitability.

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada ALLAH S.W.T dan selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., dengan berkat kurnia dan bantuanNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada Prof. Madya Dr. Habsah bt. Ismail, selaku pengerusi jawatankuasa tesis yang telah banyak membantu tanpa mengira masa dalam menyumbangkan idea-idea penting dan bernas, memberikan sepenuh kepercayaan, bimbingan, motivasi dan galakan sehingga tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Penghargaan yang tulus ikhlas ini saya tujukan juga untuk ahli jawatankuasa tesis iaitu Prof. Madya Dr. Samsilah bt. Rosilan yang bersungguh-sungguh dan tidak jemu-jemu memberikan pandangan, idea-idea yang baik dan sentiasa meluangkan masa untuk membantu saya sepanjang dua tahun pangajian saya di UPM.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Othman b. Talib kerana turut membantu menyemak metodologi kajian saya. Jutaan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, KPM dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) yang memberikan saya peluang untuk belajar dengan bantuan bergaji penuh walaupun tanpa biasiswa, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Jabatan Pelajaran Selangor, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pengarah PERMATApintar Negara termasuklah semua murid pintar cerdas yang terlibat dalam

kajian ini. Begitu juga kepada semua pengetua sekolah dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini, terima kasih di atas kerjasama anda.

Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan juga saya tujukan kepada suami tersayang Adnan b. Abu Hassan yang mengizinkan, sentiasa menyokong sepenuhnya dan memberi saya peluang untuk menyambung pelajaran. Juga buat anak-anak yang dikasih (Muhd. Siraj, Muhd. Mirza, Muhd. Iqbal, Muhd. Khalis dan Muhd. Faris) yang sangat memahami dan pembakar semangat untuk saya meneruskan perjuangan. Tidak lupa juga buat Tom, kucing kesayangan yang sentiasa menemani saya di tengah malam bagi menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini termasuklah kaum keluarga, sahabat handai yang sentiasa menghulurkan bantuan apabila diperlukan.



© COP YRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

**Habsah Ismail, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Samsilah Roslan, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)



---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan


Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.



---

RAMADHAWATI BINTI WAHAB

Tarikh:

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ix</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>xi</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xx</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xxi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xxii</b>
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.2.1 Perspektif Perkembangan Pendidikan Pintar Cerdas Di Malaysia	7
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Hipotesis kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Skop Kajian dan Batasan Kajian	18
1.9 Limitasi Kajian	19
1.10 Definisi Konseptual dan Operasional	20
1.10.1 Murid Pintar Cerdas	21
1.10.2 Daya Tindak	22
1.10.3 Persekitaran Keluarga	22
1.10.4 Keterujaan Melampau	24
1.10 Rumusan	25

<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pendahuluan	27
2.2	Teori Kognitif Sosial	27
2.3	Teori Daya Tindak	30
2.4	Teori Sistem Bio-Ekologi	37
2.5	Teori Keterujaan Melampau Murid Pintar Cerdas	40
2.6	Kerangka Teoritikal	44
2.7	Kerangka Konseptual	45
2.8	Tahap Daya Tindak Murid Pintar Cerdas	47
2.9	Tahap Persekitaran Keluarga Murid Pintar Cerdas	53
2.10	Tahap Keterujaan Melampau Murid Pintar Cerdas	54
2.11	Hubungan Persekitaran Keluarga dengan Daya Tindak Murid Pintar Cerdas	57
2.12	Hubungan Keterujaan Melampau dengan Daya Tindak Murid Pintar Cerdas	63
2.13	Rumusan	67
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Rekabentuk Kajian	69
3.2	Teknik Pengumpulan Data	69
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	70
3.3.1	Penetapan Saiz Sampel Kajian	71
3.3.2	Kaedah Persampelan Kajian	75
3.4	Instrumen Kajian	76
3.4.1	Bahagian A : Soal Selidik Latar Belakang Murid Pintar Cerdas	76
3.4.2	Bahagian B : Soal Selidik Cara Daya Tindak	77
3.4.3	Bahagian C : Soal Selidik Skala Persekitaran Keluarga	80
3.4.4	Bahagian D : Soal Selidik Keterujaan Melampau-II	83
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	86
3.5.1	Kesahan Kandungan	86



3.6	Kajian rintis	87
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	89
3.8	Tatacara Kajian	91
3.9	Teknik Penganalisan Data	93
3.10	Analisis Penerokaan Data	95
3.11	Rumusan	97

#### **4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pendahuluan	99
4.2	Data Kajian	100
4.3	Taburan Ke kerap an Mengikut Ciri Demografi Respondan	102
4.4	Tahap Daya Tindak	103
4.5	Tahap Persekitaran Keluarga Murid Pintar Cerdas	106
4.6	Tahap Keterujaan Melampau Murid Pintar Cerdas	107
4.7	Perbandingan Daya Tindak Mengikut Jantina	109
4.8	Hubungan Persekitaran Keluarga dengan Daya Tindak dalam Kalangan Murid Pintar Cerdas	111
4.9	Hubungan Keterujaan Melampau dengan Penggunaan Daya Tindak Murid Pintar Cerdas	114
4.10	Analisis Regresi Pelbagai : (Faktor Peramal Kepada Daya Tindak Murid Pintar Cerdas)	116
4.10.1	Persekitaran Keluarga dan Keterujaan Melampau Peramal Kepada Daya Tindak	117
4.11	Rumusan	121

#### **5 RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	123
5.2	Ringkasan Kajian	123
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	126
5.3.1	Tahap Daya Tindak, Persekitaran Keluarga dan Keterujaan Melampau	127

5.3.2	Perbezaan Daya Tindak Yang Signifikan Mengikut Jantina	130
5.3.3	Hubungan Antara Persekitaran Keluarga dengan Daya Tindak	131
5.3.4	Hubungan Antara Keterujaan Melampau dengan Daya Tindak	132
5.3.5	Pemboleh Ubah Bebas Peramal Kepada Pemboleh Ubah Bersandar	133
5.4	Kesimpulan Kajian	134
5.5	Implikasi Kajian	136
5.5.1	Implikasi Teoritikal	137
5.5.2	Implikasi Praktikal	139
5.5.2.1	Latihan dan Bimbingan Kepada Guru Mengenai Tekanan Dihadapi dan Strategi Daya Tindak Bakal Dipilih Murid Pintar Cerdas	140
5.5.2.2	Peranan Ibu bapa	140
5.5.2.3	Peranan Pertubuhan Yang Berkaitan Pintar Cerdas	141
5.6	Cadangan	142
5.7	Rumusan	144
	<b>RUJUKAN</b>	146
	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	